

Dua beradik lemas

Kedua-dua mangsa terkorban ketika mandi di tali air di Kampung Tualang Salak

>>Oleh Siti Fatimah Hassan dan Jauhariatul Akmal Joha

am@hmetro.com.my

BACHOK: Banjir di negeri ini meragut nyawa dua beradik berusia 10 dan 14 tahun semalam, manakala seorang pelajar tingkatan tiga dikhuatiri menjadi korban ketiga dalam dua kejadian lemas berasingan.

Dalam kejadian di Kampung Tualang Salak, Jelawat, dekat sini, jam 2 petang, Ahmad Fathi Asyraf Roslan, 14, dan adiknya, Mohd Arif Hukmi, 10, lemas ketika mandi dalam tali air.

Sebelum kejadian jam 2 petang itu, dua beradik berkenaan dikatakan keluar dari rumah menuju kawasan tali air untuk bermain banjir ber-

sama sepupu mereka, Azhar Fakri, 13, yang terselamat.

Bapa mangsa, Roslan Abd Ghani, 46, berkata, dia tidak tahu anaknya itu keluar rumah dan mandi di tali air berkenaan.

Katanya, dia terkejut apabila dimaklumkan kejadian itu oleh penduduk kampung sebelum bergegas ke tempat kejadian.

"Seingat saya, selepas solat Zuhur, dua anak saya itu sudah tiada di rumah sehingga saya diberitahu mereka lemas," katanya sebak.

Sementara itu, Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Bachok, Nordin Zakaria berkata, pihaknya menerima panggilan jam 2.30 petang sebelum bergegas ke tempat kejadian.



SAYU...Roslan (kanan) tidak dapat menahan kesedihan selepas dua anaknya lemas di sebuah tali air, semalam.

Menurutnya, operasi mencari mangsa dilakukan dengan kekuatan 10 anggota termasuk lima anggota Unit Skuba.

"Hasil usaha mencari, kami menemui mayat mangsa pertama, Ahmad Fathi pada jam

4.32 petang diikuti mayat adiknya, lima minit kemudian.

"Mereka ditemui pada kedalaman dua meter dari permukaan air," katanya.

Menurutnya, kedua-dua mayat mangsa ditemui 90

meter dari tempat kejadian sebelum dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) Kota Bharu untuk dibedah siasat.

Sementara itu dalam kejadian berasingan, Raihan Haslan, 15, dihanyutkan air ketika mandi tali air di Lemal, di Pasir Mas kira-kira jam 6 petang semalam dan masih belum ditemui sehingga jam 8 malam tadi.

Sebelum kejadian, mangsa dikatakan menyelamatkan Mohd Ali Zulkarnain Mohd Shafri, 14, sebelum tenggelam dan dihanyutkan arus.

Ibu saudara Raihan, Haslina Hassan, 42, berkata, dia pasrah mengenangkan tragedi menimpa anak saudaranya itu dan berdoa semoga jasadnya segera ditemui.

"Kali terakhir menemuinya di rumah ketika Aidiladha lalu. Tiada sebarang perubahan pada dirinya kerana dia hanya bersikap seperti biasa. Tak sangka pula berlaku tragedi ini," katanya.

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang berkata, pihaknya menerima panggilan jam 6.30 petang sebelum terpaksa menghentikan operasi mencari dan menyelamatkan jam 7 malam berikutan keadaan gelap.



NYARIS...Ali Zulkarnain terselamat, tetapi Raihan dikhuatiri lemas.

1,789 mangsa banjir dipindahkan

KUALA TERENGGANU: Bilangan mangsa banjir di negeri ini meningkat kepada 1,789 orang dan ditempatkan di 29 pusat pemindahan setakat jam 6 petang semalam.

Menurut Setiausaha Majlis Keselamatan (MKN) Negara Terengganu, Tajul Ariffin Muhamad, Setiu mencatatkan jumlah mangsa tertinggi membabitkan 1,253 mangsa daripada 274 keluarga ditempatkan di 13 pusat pemindahan.

Katanya, semua mangsa ditempatkan di Balai raya Kampung Bukit Nenas, Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Besut, Masjid Kampung Tasek, Masjid Lama Permaisuri, Masjid Kampung Merbau Menyusut, Balai raya Kampung Besut, Surau Gazebo, SK Alor Lek, Surau Kampung Nyatoh, Balai Raya Hulu Seladang, Balai Raya Langkap, Masjid Kampung Banggol dan Madrasah Kampung Permaisuri.

"Di Besut, 431 mangsa daripada 103 keluarga ditem-



HARUNG...penduduk Kampung Tasek meredah air paras dada.

patkan di 14 pusat pemindahan antaranya Dewan Serba guna Sungai Keruak, Masjid Kampung La, Surau Kampung Seberang La, Rumah Banjir Padang Tapong, Masjid Kampung Pinang, Surau Kepala Gajah, Masjid Kampung Keruak, SK Seri Payung, Balai raya Kampung Renek dan Surau Kampung

Berangan. "Dua pusat pemindahan juga dibuka di Hulu Terengganu yang menempatkan 98 mangsa di Masjid Kampung Pengkalan Ajal dan tujuh mangsa di Balai Raya Kuala Kejir.

"Saya menasihati orang awam di kawasan sering dilanda banjir sentiasa berhu-

bung dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kawasan masing-masing terutama mengenai amaran berpindah," katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu berkata, hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan paras

air di kebanyakan sungai utama di negeri ini naik.

Menurutnya, paras air Sungai Besut di Kampung La, Besut terus meningkat apabila mencecah 20.52 meter dan melepasi tahap bahaya 19.2 meter.

"Paras air di Sungai Setiu di Jambatan Permaisuri, Setiu kini mencecah 9.13 meter berbanding paras bahaya 8.8 meter," katanya.

Dua jalan iaitu Jalan Batu 24, Pengkalan Ajal (Pasir Pelita), Hulu Terengganu-Terengganu dan Jalan Pelantok, Kemaman-Terengganu ditutup kepada semua kenderaan.

Sementara itu, Pemangku Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Berang, Zazuli Badru yang dihubungi berkata, 20 pelajar dari Pengkalan Ajal yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dipindahkan dengan bot bagi membolehkan mereka mengambil peperiksaan di Sekolah Menengah Menerong, Hulu Terengganu.

Elak wabak menular

PUTRAJAYA: Orang ramai khususnya yang tinggal di kawasan penempatan banjir dinasihatkan menitikberatkan faktor kebersihan bagi mengelak penyebaran wabak penyakit yang boleh menjejaskan kesihatan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, aspek berkenaan perlu ditekankan berikutan penyebaran wabak penyakit sangat mudah selepas banjir termasuk denggi, E-coli, kencing tikus atau Leptospirosis dan taun.

"Antara langkah yang mereka perlu diambil adalah mengutamakan kebersihan, tandas, memastikan air diminum masak terlebih dulu dan mengelak makanan daripada terdedah kepada lalat," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Menurutnya, kementerian juga sentiasa berwaspada dengan mengaktifkan bilik gerakan selama 24 jam kepada mangsa banjir di seluruh negara.

Hujan lebat berterusan

KUALA LUMPUR: Hujan lebat peringkat jingga yang melanda Kelantan dan Terengganu diramalkan berterusan hingga hari ini.

Jurucakap Jabatan Meteorologi berkata, hujan sekejap kadangkala lebat iaitu pada taburan 30 hingga 60 milimeter (mm) diramalkan berlaku di beberapa daerah Kelantan antaranya Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang.

Sementara itu di Terengganu membabitkan daerah Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman.

Orang ramai dinasihatkan peka terhadap keadaan cuaca dan boleh melayari laman web www.met.gov.my atau hubungi talian 03-79678116.

Banjir di Terengganu

MANGSA BANJIR DI TERENGGANU (Setakat jam 6 petang semalam)


Kawasan	Bilangan Mangsa	Bilangan Keluarga	Pusat Pemindahan
Besut	431	103	14
Setiu	1,253	274	13
Hulu Terengganu	105	32	2



RAMALAN CUACA HARI INI

Amaran Hujan Lebat (Peringkat Merah): Hujan sekejap-sekejap kadang kala lebat di Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman dijangka berterusan hingga esok.

JALAN DITUTUP



TAHAP AMARAN BANJIR

- Peringkat Merah**
 - Hujan lebat
 - Keadaan ini akan menyebabkan banjir di kawasan rendah
- Peringkat Jingga**
 - Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat
 - Keadaan ini akan menyebabkan banjir di kawasan berkedudukan rendah
- Peringkat Kuning**
 - Hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana
 - Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan berkedudukan rendah

Sekitar banjir

Laluan runtuh

>>Oleh Mohd Nor Asri Yaacob
am@hmetro.com.my

BACHOK: "Mulanya saya terdengar bunyi seperti letupan sebelum jambatan bergegar dan runtuh. Saya tidak sempat berbuat apa-apa dan terjatuh dalam sungai," kata warga emas, Nik Mahmud Nik Hassan, 68, yang nyaris maut selepas sebuah jambatan di Kampung Kuau, Perupok, dekat sini, runtuh, semalam.

Dalam kejadian jam 8 pagi itu, mangsa berada di atas jambatan melihat arus deras sungai sebelum jambatan itu tiba-tiba runtuh.

Menurutnya, sebelum kejadian, dia baru selesai bersarapan di sebuah warung dan singgah di jambatan itu

selepas 'teringin' melihat arus deras sungai.

Katanya, ketika leka melihat arus sungai itu, dia terdengar bunyi seperti letupan sebelum terjatuh dalam sungai bersama runtuhan konkrit jambatan itu.

"Dalam sekelip mata, saya terjatuh dalam sungai, namun sempat berpaut pada sebuah bot yang berada di pinggir sungai. Orang ramai yang berada di warung berhampiran segera membantu menghulurkan buluh untuk saya berpaut ke darat.

"Saya amat bersyukur umur masih panjang kerana saya mungkin lemas atau ditimpa runtuhan konkrit jambatan itu," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.



RANAP..jambatan Kampung Kuau runtuh akibat arus sungai deras.

Terpaksa naik jentolak

SETIU: Ketiadaan penyelaras tugas jentera penyalamat terutama kemudahan bot bagi mengangkut dan memindahkan mangsa banjir di daerah ini menyebabkan penduduk terpaksa meminta bantuan jentera berat untuk keluar ke pusat pemindahan, semalam.

Malah, ketiadaan kemudahan bot disediakan pihak berkuasa bagi mengangkut mangsa banjir menyebabkan penduduk terpaksa menggunakan bot persendirian selain terpaksa mengharungi arus deras.

Tinjauan Harian Metro mendapati tiada kemudahan

bot milik jabatan dan agensi kerajaan ditempatkan di kawasan dilanda banjir menyebabkan penduduk sukar berpindah dengan cepat dan selamat.

Seorang penduduk enggan dikenali mendakwa pihak berkuasa gagal menyediakan kemudahan bot mangsa banjir, malah kemudahan yang ada tidak digunakan sepenuhnya.

"Sepatutnya pihak berkuasa menempatkan bot di kawasan banjir untuk tujuan pemindahan tetapi kemudahan itu tidak disediakan dan penduduk terpaksa bertindak sendiri untuk ke pusat

pemindahan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permaisuri, Abd Halim Jusoh ketika dihubungi berkata, perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku kerana sebelum ini, penyelaras tugas dan tanggungjawab sudah diberikan kepada jabatan atau agensi berkaitan untuk menyediakan kemudahan berkenaan.

"Saya ada menerima aduan mengenai masalah itu dan berharap pihak berkenaan dapat menyediakan kemudahan bot di setiap lokasi memerlukan bagi memindahkan mangsa," katanya.



SUKAR...penduduk terpaksa menggunakan jentolak untuk keluar membeli barang.